

Trafik antarabangsa lapangan terbang MAHB naik

UTUSAN MALAYSIA MS: 35 24/6/2022

PETALING JAYA: Penambahan syarikat penerbangan asing baharu dan permulaan semula lima syarikat penerbangan lain bulan lepas telah meningkatkan pemulihan trafik antarabangsa di rangkaian lapangan terbang tempatan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

MAHB telah merekodkan sejumlah 1.03 juta pergerakan penumpang antarabangsa di Malaysia bulan lepas, mencecah paras 1 juta buat kali pertama sejak Mac 2020 apabila sempadan negara ditutup.

Pengarah Urusannya, Datuk Iskandar Mizal Mahmood berkata, dengan pembukaan semula sempadan dua bulan lalu, pengendali lapangan terbang itu telah mencatatkan peningkatan purata bulanan lebih 50 peratus dalam trafik antarabangsa.

"Bagi pengendali lapangan terbang, setiap kemasukan baharu syarikat penerbangan as-



TRAFIK pergerakan penumpang antarabangsa lapangan terbang Malaysia Airports melonjak sehingga 50 peratus selepas pembukaan semula sempadan negara. - GAMBAR HIASAN

ing ke negara itu menandakan pertumbuhan positif bagi landscape penerbangan.

"Lainmai Airlines ialah syarikat penerbangan asing baharu

kedua yang masuk ke dalam negara tahun ini, menambah sehingga 43 rakan kongsi syarikat penerbangan asing yang beroperasi di rangkaian lapangan ter-

bang kami di Malaysia," katanya dalam kenyataan.

Lanmei Airlines, syarikat penerbangan tambang rendah dari Kemboja, melancarkan

penerbangan mingguan sulungnya yang menghubungkan Phnom Penh ke Kuala Lumpur, menggunakan pesawat Airbus A320, syarikat penerbangan ketiga selepas Malaysia Airlines (MH) dan AirAsia (AK) untuk berkhidmat dalam laluan itu.

Bagi tempatan, pergerakan penumpang domestik meneruskan trajektori pemulihan mereka dengan merekodkan lebih tiga juta pergerakan penumpang buat kali pertama sejak Februari 2020.

Momentum trafik yang meningkat pada Mei berterusan hingga Jun dengan peningkatan 11 peratus dalam purata pergerakan penumpang harian kepada 163,000.

MAHB juga merekodkan 7.10 juta pergerakan penumpang untuk lapangan terbang tempattannya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Istanbul Sabiha Gokcen (SAW) pada Mei.